

'CEBURI BIDANG² BARU BAG¹ KEKALKAN PERTUMBUHAN'

Negara perlukan usahawan berani-PM

Renungan

IA menurunkan kepada kamu kitab (Al-Quran) dengan sebenarnya, membenarkan (kitab-kitab) sebelumnya. Dan Ia turunkan Taurat dan Injil.

— Maksud Al-Quran Ali Imran 3.

UM 18 NOV 1987

Oleh
Razak Rashid Ghows



KUALA LUMPUR 17 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata negara sekarang memerlukan satu kumpulan usahawan yang berani menceburi bidang - bidang perniagaan yang lebih meluas.

Perdana Menteri menegaskan bahawa kerajaan sentiasa memberi galakan supaya para usahawan menceburi bidang - bidang lain dan tidak menghadkan perniagaan mereka di bidang tertentu sahaja.

Menurut beliau satu kumpulan usahawan yang berani, inovatif dan imaginatif amat diperlukan sekarang bagi membolehkan kedudukan ekonomi yang baik dikekalkan. "Sejarah mengajar kita bahawa dalam mana-mana masyarakatpun, kesanggupan untuk menempuhi risiko dan menceburi di dalam bidang - bidang baru adalah perlu bagi mengekalkan pertumbuhan," tegas beliau semasa berucap merasmikan Konvensyen Kesembilan Persatuan Ekonomi Malaysia di Hotel Shangri-La hari ini.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, kejatuhan tahap pelaburan swasta antara tahun 1981 dan 1986 selain dari pelaburan dalam industri gas dan minyak adalah merungsingkan.

Pada masa yang sama tambah beliau sumbangan sektor swasta kepada pertumbuhan Keluarn Dalam Negeri Kasar (KDNK) juga didapati negatif.

Keadaan tersebut katanya mesti diubah kerana tanpa pelaburan, pertumbuhan KDNK tidak dapat dikekalkan pada paras yang baik.

Perdana Menteri berkata kerajaan telah memberi berbagai insentif kepada sektor swasta. Di antaranya, kerajaan telah mengurangkan cukai syarikat, kadar bayaran perhubungan dan elektrik.

LIHAT MUKA 6

SAMBUNGAN DARI MUKA

NEGARA PERLUKAN USAHAWAN BERANI — PM

Kerajaan juga telah memberi keiilangan syarat - syarat pemilikan saham dalam industri berorientasikan eksport dan melonggarkan beberapa peraturan dan syarat - syarat lain.

Menurut beliau jika keadaan ekonomi negara dibiarkan bergantung kepada suasana perdagangan antarabangsa semata - moto, pertumbuhan KDNK kemungkinan tidak akan mencapai lebih tiga peratus menjejang 1990.

"Tetapi jika sektor swasta merebut peluang insentif kerajaan berhubung dengan peiaburan dan program penswastaannya, pertumbuhan KDNK itu boleh dengan secara realistik bertambah satu atau dua peratus lagi," kata Datuk Sri Dr.

Mahathir.
UM 18 NOV 1987
Bercakap kepada para pemberita Aepas upacara perasmian itu Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau sedar bahawa ramai di kalangan usahawan tempatan berada di dalam keadaan cemas kerana kejatuhan harga hartanah dan saham.
"Tetapi kita hendak lihat mereka yang boieh menceburi dalam industri - industri baru membuat percubaan.
"Kita tidak boieh bergantung kepada bidang perniagaan yang terhad sahaja seperti pertanian, getah, kelapa sawit, koko, syarikat kewangan atau bank dan pembinaan.
"Dalam keadaan sekarang mereka mesti peruaskan penyertaan dalam bidang - bidang yang mereka boleh

masuk," katanya.

Dalam ucapannya Perdana Menteri jugameneru negara - negara besar supaya menghentikan perumbuhan membuat dan mencipta senjata - senjata baru bagi membolehkan usaha ditumpukan kepada pemuliharaan ekonomi.
"Wang mesti digunokan untuk mengeiuarikan barangan yang berguna dan keperluan yang menggunakan bahan - bahan mentah danmemberi peluang pekerjaan," kata beliau.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, oleh kerana negara - negara kecil yang tidak kaya tidak boleh mempengaruhi kedudukan ekonomi dunia, negara - negara besar mestiih mengambil tanggungjawab ini untuk memulihkan

keadaan ekonomi.

Bagi pihak Malaysia katanya, beberapa perubahan yang beriakudalam masa enam bulan lalu amat menggiatkan.

Perubahan - perubahan itu adaiah seperti berikut:
Tanda - tanda semakin jeias bahawa kedudukan imbangan pembayaran tahun ini memihak kepada Malaysia dan diharapkan keadaan yang sama berlaku tahun depan.
Kedudukan defisit negara tahun ini iebih kecil.
Tahun depan ia sepatutnya iebih kecil.

Negara mengaiami keadaan inflasi yang kecil.

Penggunaan barangan

dalam negeri semakin meningkat walaupun pada kadar yang perlahan.

Kegiatan pengeiuaran barangan semakin baik, begitu juga peiaburan terus iuar negeri.

Pengaiiran modal terus berada di tahap yang kukuh.

Kedudukan matawang negara, ringgit, kekal stabil walaupun dalam keadaan kadar faedah yang rendah.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengiatkan masyarakat peniaga bahawa sebarang spekulasi yang dibuat mengenai bidang perniagaan kiau periu dibuat, mestiih diakukan dengan cara yang munasabah.